

Kepada anggota-anggota Ikhwan

Saudara-saudara,

Pihak anggota Ikhwan terlebih dahulu mengucapkan selamat Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban yang besar ertinya di dalam kehidupan kita orang-orang Islam. Dalam masa menyambut Hari Raya Korban ini, selain daripada kita mengenang orang yang beratus-ratus ribu banyaknya menunaikan panggilan Allah menunaikan Haji di *Baitu Allāh al-Harām* maka bagi kita hendaklah pula mengingat satu riwayat yang bersejarah iaitu riwayat mengapa maka kita disunatkan berkorban pada Hari Raya ini.

Riwayat ini, terutama saudara-saudara ikhwan, sangat besar ertinya dalam perkembangan sejarah pembangunan Islam kerana di dalamnya ada beberapa contoh, ada beberapa teladan dan ada beberapa galakan-galakan yang besar yang patut diteladani, yang patut diiktibarkan untuk perkembangan kita bukan sahaja pada hari ini tetapi pada masa-masa yang akan datang.

Sesudah umum diketahui bahawa pada Hari Raya Korban ini riwayat yang diambil daripada pengorbanan seorang ayah dan pengorbanan seorang anak kerana menunaikan perintah Allah. Riwayatnya tentu sudah kita ketahui yang ringkasnya bahawa pada satu masa Nabi Ibrahim *‘Alaihi al-Salām* diperintahkan oleh Tuhan supaya menyembelih anak beliau Nabi Ismail sebagai satu korban yang dikehendaki jalankan. Apabila perintah itu diterima, sebagai Nabi yang taat kepada perintah-perintah Allah, lalu beliau menyampaikan perintah itu kepada anak beliau Nabi Ismail dan khabar yang ngeri itu kepada anak beliau Nabi Ismail dan khabar yang ngeri yang bakal dijalankan itu disebut oleh Nabi Ismail dengan satu galakan kepada ayahnya supaya menunaikan perintah-perintah dari Tuhan serta meredhakan dirinya dijadikan korban.

Ringkasnya anak beliau Nabi Ismail dibawa oleh ayahnya Nabi Ibrahim ke satu tempat lalu Nabi Ismail diletakkan dan hendak dijalankan penyembelihan itu. Sebagai seorang bapa tentulah berapa beratnya perintah itu kepada beliau dan kerana itulah, tatkala hendak menjalankan, terasa sedikit akan beratnya tetapi anaknya menggalakkan lagi supaya segera ditunaikan perintah-perintah itu. Dengan hati yang penuh berserah, dengan hati yang taat dan suci maka Nabi Ibrahim menutup anaknya lalu hendak menjalankan penyembelihan dan pada waktu itulah Tuhan mengurniakan gantian lalu Nabi Ismail diganti dengan kibas dan inilah sebabnya maka disunatkan kepada orang-orang yang mampu pada tiap-tiap Hari Raya Aidil Adha itu mengadakan korban.

Saudara-saudara Ikhwan, kalau hanya kita menjalankan sunnah itu sahaja tidak dengan mengambil iktibar dan *tamthīl* daripada kejadian itu tidaklah ada ertinya sama sekali, meskipun pahalanya saudara-saudara akan mendapatnya tetapi hanya kadar itu sahaja. Tetapi kalau saudara-saudara perhatikan semula apakah kesan-kesan dan hikmahnya korban itu sudah tentu saudara-saudara dapati baik dan ertinya pula tinggi untuk membentuk jiwa pahlawan. Kalau saudara-saudara mengadakan korban barang tentu yang pertama akan saudara-saudara lihat apabila korban itu diadakan di tengah-tengah ramai maka saudara sendiri, anak-anak saudara sendiri, akan melihat bagaimana darah itu mengalir dan daripada kebiasaan itu anak-anak saudara itu nanti tidak akan gerun melihat aliran-aliran darah tatkala saudara-saudara dan anak saudara dikehendaki berjuang, berjuang membela kalimah Allāh. Saudara-saudara tentu maklum bahawa orang yang tak biasa melihat darah itu mengalir tentu akan gerun, ngeri dan takut. Tetapi bila telah terlatih, telah biasa tidak akan ada ertinya lagi darah-darah yang tumpah mengalir dan atau yang ditumpahkan di bumi Allah ini dan itulah satu pelajaran kalau

sekiranya tiba saatnya, tiba wajibnya jihad dengan sendiri saudara-saudara untuk menegakkan kalimah Allah, untuk menegakkan syiar Allah dengan kewajipan-kewajipan yang tepat dan dikehendaki seluruhnya oleh umat Islam atas jihad itu maka pada masa itulah saudara-saudara akan mengetahui bagaimana hikmahnya, bagaimana faedahnyanya melihat darah-darah yang tumpah.

Selain daripada gambaran menjadikan saudara seorang yang perkasa, seorang pahlawan, di dalam gambaran kejadian itu saudara-saudara akan terpancang, akan terlihat bagaimana pula kesalehan, bagaimana pula ketaatan, bagaimana pula pengorbanan-pengorbanan yang diberi untuk menegakkan, untuk meninggikan kalimah Allah yang Maha Tinggi. Lihat apa yang digambarkan oleh Nabi Ibrahim *'Alaihi al-salātu wa al-Salām*; lihat apa yang telah diredhai oleh Nabi Ismail *'Alaihi al-salātu wa al-Salām*; semua gambaran, semua kejadian yang dikehendaki kita, kita umat Islam menjalankannya, mengingatkannya untuk meninggikan syiar dan kemuliaan agama kita.

Saudara-saudara Ikhwan telah mengetahui bagaimanakah perasaan bapa akan dapat menahan hatinya untuk menyembelih seorang anaknya yang sangat dikasihi untuk dikorbankan kepada suatu perintah. Saya berkeyakinan sekiranya perintah itu diperintahkan kepada kita tidak akan ada seorang bapa yang akan terdaya untuk melakukan perintah-perintah itu. Tidak akan ada seorang anak yang redha menyerahkan jiwa raganya untuk disembelih untuk dijadikan korban kerana menunaikan perintah-perintah Allah. Tidak saudara-saudara, tidak akan ada. Pengorbanan yang demikian besar di dalam sejarah hanya menjadi peringatan, hanya menjadi satu pertunjuk kepada kita bahawa tiap-tiap kita dikehendaki berkorban; berkorban dan berqorban untuk menegakkan syiar dan kemuliaan agama kita.

Pelajarilah wahai saudara-saudara Ikhwan kepada kejadian

itu, iaitu tidak ada suatu benda yang lebih dikasihi daripada anaknya. Bapa akan mengorbankan segala tenaganya, segala jiwa raganya untuk anaknya dan bagaimanakah cekalnya hati seorang manusia akan menyembelih anaknya hanya kerana taat dan patuh kepada perintah-perintah Allah? Benda yang dikasihi kalau tiba saatnya dikorbankan, dikorbankan untuk menegakkan kalimah Allah.

Saudara-saudara tentu juga telah membaca satu riwayat di dalam sejarah bahawa seorang ibu telah menangis apabila tidak ada benda yang akan dikorbankan lagi iaitu tidak ada anak-anaknya lagi yang bakal disajikan untuk menjadi tentera Allah di dalam peperangan membela agama Allah dalam zaman Rasulullah dahulu. Tatkala ditanya mengapa ia menangis iaitu adakah ia kesal kepada anaknya yang telah tiga orang tumbang di medan perang, tumbang di dalam perjuangan. Ia hanya menjawab saya menangis bukannya kerana anak yang tumbang di medan peperangan, kerana anak yang telah syahid tetapi saya menangis kerana tidak ada lagi seorang anak yang akan saya korbakan untuk meninggikan kalimah Allah.

Saudara-saudara Ikhwan, pada zaman ini wajib bertanya kepada diri kita: Apakah pengorbanan yang telah kita berikan. Apakah satu benda yang telah kita korbakan untuk menegakkan kalimah Allāh? Bertanyalah wahai saudara-saudara Ikhwan kepada diri sendiri. Jika kita dapati kita tidak ada memberi suatu pengorbanan, tidak ada memberi sesuatu untuk kemuliaan dan ketinggian agama Allah maka bekerjalah, bekerjalah dengan sedaya upaya saudara-saudara menunaikan tanggungjawab saudara-saudara sebagai anggota Ikhwan, bekerja sedaya upaya menunaikan tanggungan sebagaimana yang saudara-saudara telah akukan dalam lima perkara yang dianjurkan oleh Ikhwan.

Kita anggota-anggota Ikhwan tidak berhajat mengorbankan nyawa, tidak berhajat mengorbankan anak

di medan perang untuk membela agama Allah kerana perang itu hanya satu perkara jihad *sabīl*, jihad kecil, tetapi saudara-saudara dikehendaki menghadapi jihad yang lebih besar iaitu jihad menahan hawa nafsu, jihad menganjurkan tiap-tiap ahli saudara, tiap-tiap isi rumah saudara berpaling kepada jalan Allah, berpaling daripada jalan yang menyesatkan, berpaling dari anjuran-anjuran yang melengahkan daripada mengingat Tuhan, berpaling daripada yang menggalakkan pekerjaan-pekerjaan maksiat lebih daripada pekerjaan yang diredhai oleh Tuhan.

Ingatlah saudara-saudara Ikhwan, ingatlah kepada tanggung jawab kita, ingatlah kepada janji kita bahawa kita seorang hamba Allah yang bekerja menyeru kepada berbuat baik dan menegah daripada berbuat jahat dan bekerjalah dengan kebijaksanaan dan kelakuan-kelakuan yang baik dan betulkanlah diri sendiri terlebih dahulu sebelum saudara-saudara Ikhwan membetulkan diri orang lain. Kawallah hawa nafsu, kawallah kemahuan nafsu, kawallah segala daya penarik yang akan melengahkan saudara-saudara daripada kewajipan agama, kawallah daripada terpengaruh atau dipengaruhi oleh sesuatu anasir yang memalingkan saudara daripada sujud kepada Allah. Jagalah diri dan jagalah perkara atas tanggungjawab saudara-saudara kepada agama. Ikhwan menganjurkan kepada pembetulan sendi masyarakat sendi pembetulan lebih kepada anggotanya sendiri. Dan meminta saudara-saudara supaya menjadi contoh kepada orang lain bahawa saudara-saudara mempunyai budi pekerti yang baik sebagai yang dianjurkan oleh Rasul Allah iaitu kedatangan Rasulullah itu membawa akhlak yang mulia, *Makārim al-Akhlāq*. Berbudi baiklah, berperangai baiklah, jauhkanlah segala pekerjaan-pekerjaan yang *āṣīr* yang mungkar dan bekerjalah dengan bersungguh-sungguh mencari keduniaan untuk bekal saudara-saudara, untuk menjadi pengorbanan, untuk menegakkan dan meninggikan

kalimah Allah. Mudah-mudahan dengan seruan pimpinan ikhwan ini akan memberi kesanlah hendaknya yang hingga saat menulis ini telah seribu lebih anggota-anggotanya bersebaran di sana sini di Borneo Utara, di Sarawak, di Perlis, di Kedah, dan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan ingatlah bahawa sungguhpun mereka berserak maka tiap-tiap anggota ikhwan hendaklah bekerja, hendaklah berusaha menunaikan janjinya yang telah diikrarkannya yang telah diakuinya taat kepada syarat-syarat yang lima itu.

Marilah kita menadahkan tangan kepada Allah *'azza wa jalla* pada hari *yawm al-dhuhā* hari pengorbanan, di dalam bulan pengorbanan ini, mudah-mudahan Allah memberi hidayah dan taufik kepada kita bersama dapat kita bersama-sama menunaikan tanggungjawab kita, menunaikan kewajiban kita untuk menegakkan kalimah Allah, untuk menjadikan kita siang dan malam tidak lain cita-citanya dan tidak lain kerjanya hanya untuk meninggikan syiar Tuhan di mana jua kita berada merapatkan *ukhuwwah Islamiyah*, merapatkan persaudaraan Islam yang sebagai batu tindih bertindih, sebagai satu nyawa satu badan yang tidak akan dipisah-pisahkan oleh apa-apa anasir jua pun – Amin.

* * *

Peringatan:


Saudara-saudara Ikhwan, seorang wanita telah menulis kepada kita menyatakan bahawa ia telah menerima banyak surat daripada orang-orang anggota Ikhwan. Apa kandungan surat dan bagaimana isinya tidak dinyatakan tetapi hanya anggota kita wanita itu menyatakan bahawa kerana banyaknya maka ia tidak dapat menjawab lalu menghantarkan sebuah gambarnya kepada kita.

Dengan ini kita mengerti tentu ada di antara anggota-anggota Ikhwan yang membuat atau meminta berkenalan dan meminta

gambar dan sebagainya sebagaimana adanya atau caranya di dalam persahabatan di dalam majalah atau pen pal. Langkah yang dilakukan oleh sebahagian anggota Ikhwan ini kita meminta dengan segala hormat janganlah hendak membuat cara seperti dalam majalah-majalah lain. Ikhwan dikehendaki mengikut syaratnya ia berbuat baik, bertujuan baik bukan dibukakan untuk bercinta-cintaan dan kerana kejadian-kejadian itulah maka pihak pimpinan Ikhwan mulai dari sekarang hanya menerbitkan di dalam majalah Qalam nama-nama anggota lelaki sahaja dan nama-nama anggota wanita tidak akan disiarkan di dalam majalah Qalam tetapi insya-Allah nanti akan kita siarkan di dalam majalah “Wanita” yang akan diterbitkan sedikit masa lagi.

Mudah-mudahan apa yang terjadi itu hingga itu

sahaja dan dengan ini kita berharap kepada anggota-anggota Ikhwan janganlah membuat sesuatu cara yang tidak bertertib kerana cara yang demikian itu menggalakkan satu pekerjaan yang sia-sia dan menghidupkan suatu kehendak di dalam jiwa saudara mengikut hawa nafsu pada hal saudara-saudara sendiri berjanji taat kepada lima perkara sedang dalam lima perkara itu mengandungi salah satu daripada berbuat baik kepada tiap-tiap orang dan tiap-tiap cara berbuat baik itu tidak akan mengacau rumah tangga orang, mengacau keluarga orang. Berhati-hatilah anggota-anggota Ikhwan dan berhati-hatilah saudara-saudara supaya gerak langkah saudara-saudara itu jangan merosakkan orang lain, anggota-anggota Ikhwan yang taat kepada ikrarnya itu, berharap benarlah kami supaya saudara-saudara akan patuh kepada cara-cara dan pertunjuk-pertunjuk yang telah kami berikan.



Penuntut “Qismu Thanawi al-Sadis” Madrasah Arabiyyah, Sijangkang Klang, bergambar ramai memperingati berdirinya sahabat “Ikhwan”. Duduk di tengah ialah Haji Shamsi al-Din Haji Nawawi yang menganjurkan Ikhwan di tempat tersebut.